

22 OCT 2000

Mahathir-pulangan

F1 DIJANGKA HASILKAN PULANGAN RM1 BILION

SEPANG, 22 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Grand Prix Malaysia yang berlangsung hari ini dijangka menghasilkan pulangan hampir RM1 bilion daripada segi tukaran wang asing.

Ini berdasarkan peningkatan bilangan pelancong yang datang dan kenaikan harga bilik hotel berbanding tahun lepas yang menyaksikan hampir 70,000 pelancong datang, kata Perdana Menteri.

"Pasti lebih dari tahun lepas...mungkin berganda," katanya ketika ditanya jika tukaran asing yang diperolehi hasil penganjuran F1 kali ini akan melebihi RM500 juta yang diperolehi tahun lepas apabila perlumbaan itu dianjurkan oleh Malaysia.

Bercakap pada satu sidang media di Litar F1 Sepang selepas menyaksikan GP Petronas Malaysia yang merupakan pusingan ke-17 dan terakhir Formula One musim ini, Dr Mahathir berkata beliau dimaklumkan bahawa hotel-hotel mengenakan harga bilik yang lebih tinggi berbanding tahun lepas.

"Dulu hotel kenakan harga biasa sahaja tetapi tahun ini bayaran penuh, mungkin ada yang lebih," katanya.

Dr Mahathir berkata pelancong bukan sahaja datang untuk menyaksikan perlumbaan itu tetapi juga melawat tempat-tempat lain di sekitar Kuala Lumpur dan ada yang tinggal beberapa hari selepas ini.

Jumlah penonton yang menyaksikan F1 juga bertambah berbanding tahun lepas dan lebih daripada 90,000 orang dianggarkan datang hari ini.

"Sebelum perlumbaan, SIC telah menjual hampir 82,000 tiket. Hari ini ramai lagi yang berebut-rebut untuk membeli," katanya.

Perdana Menteri menyifatkan perlumbaan tahun ini tetap menarik walaupun Michael Schumacher telahpun memenangi kejuaraan dunia di Suzuka baru-baru ini.

Dr Mahathir berkata beliau berharap perlumbaan F1 akan terus kekal di Malaysia dan akan ada lebih banyak lagi perlumbaan antarabangsa di litar F1 Sepang bernilai RM286 juta itu seperti Japan GT Race yang dikendalikan di sini tahun ini.

Daripada segi penganjuran, beliau berkata Sepang International Circuit (SIC) telah melakukan tugas yang lebih baik manakala penonton mempunyai ruang lebih selesa dengan penambahan tempat duduk berbumbung.

Ditanya kemungkinan SIC menghadapi kesukaran menganjurkan perlumbaan tahun depan memandangkan ia akan dilangsungkan lebih awal iaitu dalam tempoh lima bulan sahaja lagi, Dr Mahathir berkata beliau yakin Malaysia akan mampu melakukannya.

"Mereka (SIC) ada pengalaman, dulu pening sedikit dan saya tak yakin...(Tan Sri) Basir (Ismail, pengerusi SIC) lulus dengan cemerlang," katanya.

Dr Mahathir juga berkata Malaysia sedang melatih pelumba muda yang diharapkan akan menjadi pelumba F1 satu hari nanti.

"Kita latih mereka dari peringkat go-kart. Kena mula go-kart dulu, baru meningkat. Ia mungkin makan masa tetapi kita kena mula awal," katanya.

Mengenai laporan majalah Auto Week (bertarikh 16 Okt) yang menyatakan kononnya akan berlaku demonstrasi oleh penyokong-penyokong bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, Dr Mahathir berkata itu semua pembbohongan.

"Mereka boleh kata apa mereka hendak. Semua bohong...kita tahu," katanya.

-- BERNAMA

AR MAI